

## **KUTIPAN ZAKAT PERTANIAN (PADI) DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN : SATU ANALISIS**

*Collection of Agricultural Zakat (Rice) In The State Of Kedah Darul Aman: An Analysis*

**Ahmad Khilmy b Abdul Rahim<sup>1\*</sup>**

**Mohd Syahril b Ahmad Razimi<sup>2</sup>**

**Muhammad Ashraf bin Abdul Wahab<sup>3</sup>**

<sup>123</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author (Email: khilmy@uum.edu.my)

Diterima: 18 Ogos 2020 , Diproses: 2 September 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

**Abstrak:** Di Malaysia, hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat ialah yang berbentuk makanan asasi (*qut al-balad*) dan mengenyangkan bagi sesebuah negeri. Pengertian inilah yang diguna pakai oleh kebanyakan pusat pungutan zakat negeri-negeri di Malaysia seperti Kedah (Lembaga Zakat Negeri Kedah), Selangor (Lembaga Zakat Selangor), Melaka (Pusat Zakat Melaka), Pahang (Pusat Kutipan Zakat Pahang) dan lain-lain. Dalam konteks Malaysia adalah dimaklumi bahawa makanan asasi masyarakatnya adalah beras ataupun padi. Oleh sebab itu, zakat tanaman adalah diwajibkan ke atas padi apabila telah sempurna syarat-syaratnya yang tertentu. Kajian ini menganalisis asas perlaksanaan zakat pertanian (padi) di negeri Kedah Darul Aman berdasarkan undang-undang Kedah Tua seperti yang terkandung di dalam fasa 3 Tembera Seri Paduka Tuan (1667 M), undang-undang pentadbiran Negeri Kedah pada ketika itu dan Enakmen Zakat Kedah yang berkuatkuasa sebelum merdeka iaitu pada tahun 1955. Artikel juga menganalisis kaedah kutipan zakat padi yang dilaksanakan pada masa dahulu dan kini di negeri Kedah Darul Aman dan isu-isu yang berkaitan seperti kemerosotan kutipan zakat padi dan lain-lain.

**Kata Kunci:** Kutipan, Zakat Pertanian, Kedah Darul Aman

**Abstract:** In Malaysia, the agricultural products that must be paid zakat are in the form of basic food (*qut al-balad*) and satisfying for a state. This definition is used by most zakat collection centers in Malaysia such as Kedah (Kedah State Zakat Board), Selangor (Selangor Zakat Board), Melaka (Melaka Zakat Center), Pahang (Pahang Zakat Collection Center) and others. In the Malaysian context, it is understood that the basic food of the community is rice or rice. Therefore, crop zakat is obligatory on rice when its specific conditions have been met. This study analyzes the basis of the implementation of agricultural zakat (paddy) in the state of Kedah Darul Aman based on the laws of Old Kedah as contained in phase 3 of Tembera Seri Paduka Tuan (1667 AD), the administrative law of the State of Kedah at that time and the Kedah Zakat Enactment which came into force before independence in 1955. The article also analyzes the method of collection of zakat padi implemented in the past and present in the state of Kedah Darul Aman and related issues such as the decline in the collection of zakat padi and others.

**Keywords:** Collection, Agricultural Zakat, Kedah Darul Aman.

## PENDAHULUAN

Negeri Kedah dan Perlis adalah terkenal dengan kawasan tanaman padi sehingga digelar jelapang padi negara. Kawasan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ini adalah seluas 130,282 hektar dimana 100,685 hektar adalah kawasan pasel padi. Keluasan pasel padi ini merangkumi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Kedah (82,968 hektar) dan Negeri Perlis (17,717 hektar). Keluasan pasel tanaman padi Kawasan Muda mewakili 35.13% daripada keluasan pasel padi negara (<http://www.mada.gov.my/orang-awam>, 2.11.2019). Bagi memastikan perjalanan pengurusan dan pentadbiran MADA berjalan dengan lancar, MADA dibahagikan kepada empat (4) wilayah iaitu, Wilayah I (Perlis), Wilayah II (Jitra), Wilayah III (Pendang) dan Wilayah IV (Kota Sarang Semut). Maklumat terperinci keluasan kawasan MADA adalah seperti berikut:

**Jadual 1. Keluasan Tanaman Padi Mengikut Wilayah MADA**

<b>WILAYAH MADA</b>	<b>KELUASAN MENGIKUT WILAYAH MADA (HEKTAR)</b>
	<b>KELUASAN TERKINI MADA</b>
Wilayah I (Perlis)	20,073
<b>JUMLAH NEGERI PERLIS</b>	<b>20,073</b>
Wilayah II (Jitra)	32,595
Wilayah III (Pendang)	22,681
Wilayah IV (Kota Sarang Semut)	25,336
<b>JUMLAH NEGERI KEDAH</b>	<b>80,612</b>
<b>MADA</b>	<b>100,685</b>

Sumber : <http://www.mada.gov.my/orang-awam/keluasan-tanaman-padi/> 2.11.2019

Dalam perbendaharaan fiqh Islam, perbincangan berkaitan zakat pertanian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu zakat buah-buahan dan zakat tanaman. Sebagai contoh dalam kitab *al-Muhazzab*, perbincangan tentang zakat buah-buahan (*zakat al-thimar*) didahulukan daripada perbincangan tentang zakat *al-zuru'* (tanaman) (al-Syirazi, 1959). Walaupun perbahasannya terpisah, namun kedua-duanya meliputi zakat pertanian yang dimaksudkan. Perbendaharaan fiqh juga tidak membincangkan secara spesifik pengertian zakat tanaman, namun ia boleh disimpulkan sebagai mengeluarkan kadar yang tertentu daripada hasil tanaman yang tertentu yang mencukupi syarat-syarat yang tertentu untuk diberikan kepada golongan tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh syarak.

Jadual di bawah merumuskan jenis-jenis tanaman yang dikenakan zakat oleh negeri-negeri di Malaysia berdasarkan enakmen dan undang-undang zakat negeri-negeri berkenaan :

**Jadual 2. Jenis tanaman yang dikenakan Zakat Tanaman dalam Enakmen Negeri-negeri di Malaysia**

Negeri	Jenis Tanaman
Kelantan	Padi dan tanaman-tanaman lain
Terengganu	Padi, jagung dan makanan asas lain
Pulau Pinang	Biji-bijian seperti padi dan jagung serta buah-buahan iaitu kurma dan kismis
Perak	Padi, gandum dan sekoi.
Johor	Padi, gandum, kacang hijau dan kacang soya
Melaka	Padi, gandum, jagung, kacang hijau dan kacang soya
Pahang	Padi
Selangor	Padi
Kedah	Padi
Perlis	Padi

*Sumber : Enakmen Negeri & Noraini Ali (2013).*

Berdasarkan rumusan di atas, adalah jelas menyatakan bahawa padi merupakan jenis tanaman utama yang wajib dikenakan zakat di setiap negeri di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini sepenuhnya menggunakan metodologi kualitatif yang menekankan pembinaan makna, pemahaman konsep atau simbol dan istilah atau penerangan terperinci tentang sesuatu kejadian, objek atau proses (Tuckman,B.W.,1999). Sesuai dengan metod yang digunakan, kajian ini mengaplikasikan dua teknik pengumpulan data iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan juga penyelidikan lapangan yang berdasarkan metod temubual. Penyelidik menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kutipan zakat padi iaitu pegawai zakat di daerah-daerah yang terpilih dan pesawah-pesawah di daerah tersebut. Daerah-daerah yang terlibat dalam kajian ini adalah Kota Setar, Kubang Pasu, Yan, Kuala Muda dan Langkawi.

## **LEGALITI ZAKAT PERTANIAN DI KEDAH**

Pengurusan zakat di negeri Kedah adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan zakat yang sudah wujud sejak dahulu lagi. Berdasarkan catatan sejarah, Kedah merupakan negeri yang tertua di Malaysia yang mempunyai sistem pengurusan zakat secara perundangan. Sebahagian sumber menyatakan perundangan zakat di negeri Kedah telah wujud sejak 3 abad dahulu. Perkara ini dinyatakan di dalam fasa 3 Tembera Seri Paduka Tuan (1667 M) iaitu undang-undang pentadbiran Negeri Kedah pada ketika itu. Pada tahun 1667 M, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I, Sultan Negeri Kedah yang ke 15 telah menitahkan supaya Dato Seri Paduka Tuan bersama Tuan Syeikh Alauddin dan semua pendeta supaya menulis sebuah undang-undang pentadbiran Negeri Kedah. Undang-undang ini ditulis bagi tujuan rujukan Panglima Negeri, Kweng (Penghulu/Ketua Kampung) dan Sambang (Mata-mata) dalam menjalankan tugas mentadbir Negeri Kedah Darul Aman. Undang-undang ini telah memainkan

peranan penting dalam menstruktur penyelarasan zakat di Negeri Kedah (Zakaria, Mohd Faisal dan Hafizah, 2019).

Petikan teks asal fasal tiga Tembera Seri Paduka Tuan menyatakan :

*“ Barang siapa berbuat bendang atau huma, maka hendaklah kerasi suroh keluarkan zakat; seperti benar hisab-nya yang diperoleh-nya itu, suroh keluarkan sa-puloh emas zakat-nya itu. Apa-bila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, menurut seperti hukum Allah Taala”.*

Berdasarkan teks asal ini, Sultan Negeri Kedah ketika itu menggunakan sepenuhnya kuasa yang ada pada *ulil amri* (pemerintah) untuk mengarahkan agar rakyat negeri Kedah supaya mengeluarkan zakat. Sekiranya mereka enggan, kuasa diberikan kepada penghulu (kweng) untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka bertujuan untuk memberi pengajaran kepada orang lain.

Selain daripada rekod yang terdapat pada Tembera Seri Paduka Tuan (1667M), terdapat juga undang-undang zakat Kedah versi Ku Din Ku Meh yang ditulis pada 1625-1651 Masehi ketika zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah yang memerintah Kedah daripada tahun 1625-1651, sultan Kedah yang ke 13. Terdapat undang-undang khusus berkaitan zakat pertanian yang diperincikan dalam Fasal Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh ; 30/101/4-6.

*“....dan memberi fitrah sekaliannya suruh hantar kemasjid dan apakala selesai kerja bendang sudah ambillah padi suruh keluarkan zakatnya hantar kemesjid serahkan pada pegawai masjid, hendaklah pegawai masjid buat tempat terima ambil taruh padi itu jangan bagi rosak binasa...”*

Berdasarkan sumber yang dinyatakan ini, sejarah perundangan zakat pertanian di negeri Kedah dianggarkan telah ditulis dan dipraktikkan hampir 352 Tahun (Tembera Seri Paduka Tuan) oleh *ulil amri* yang dititahkan oleh Sultan Kedah yang memerintah ketika itu. Rang undang-unang dan enakmen khusus berkaitan zakat ini membantu pentadbiran diterajui Sultan Kedah ketika itu dalam memperkasakan pengurusan zakat.

Struktur undang-undang ini diteruskan untuk menguruskan zakat di negeri Kedah. Dalam konteks undang-undang moden, Kedah mempunyai satu set undang-undang khusus yang disebut sebagai Enakmen Zakat Kedah 1955 yang menubuhkan komiti zakat bagi mentadbir dan menjaga urusan zakat. Enakmen ini digubal oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Kedah sebelum diperkenan oleh KDYMM Sultan Kedah untuk diwartakan sebagai enakmen (Anwarul Yaqin,2007). Beberapa pindaan telah dibuat melalui enakmen ini pada tahun 1962 dan 1982. Ia merupakan satu-satunya enakmen berkaitan *zakat* yang paling lama berkuatkuasa sebelum merdeka sehingga dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 20 Ogos 2015 bersamaan 5 Dzulkaedah 1436H dan diterbitkan dalam Warta Kerajaan pada 3 Disember 2015 (Muhammad Hafiz, Alias dan Che Thalbi, 2017).

Undang-undang dan fasal yang khusus tentang zakat pertanian (padi) di Kedah boleh dilihat dalam Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang zakat yang menyatakan:

“...Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1300.449 kilogram @ 2 kunca.2 nalih.6 gantang.1 cupak.2 kepul...”

(Undang-undang Zakat (Kedah), 1374 (1955), Pindaan 6/1983) Peraturan 13 di dalam undang-undang lain menyebut hal yang sama:

“...Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah mem-bayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika jumlah perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seseorang itu kurang daripada 1,300.449 kilogram atau 2 kunca, 2 nalih, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepul...”

(Peraturan-peraturan Zakat (Kedah), 1982)

Adalah jelas di sini bahawa negeri Kedah telah sekian lama mempunyai undang-undang berkaitan zakat pertanian, itu sejak 350 tahun yang lalu. Secara logiknya, kewujudan undang-undang yang khusus ini akan memberikan implikasi yang positif terhadap proses pembayaran zakat pertanian dan seterusnya mempertingkatkan perolehan kutipan zakat oleh LZNK.

### **FATWA-FATWA ZAKAT PERTANIAN DI KEDAH**

Di Kedah, terdapat dua fatwa yang dikeluarkan berkaitan zakat tanaman (padi). Fatwa pertama hanya menyebut kadar zakat tanaman adalah 10 peratus manakala fatwa kedua menyebut kadar zakat tanaman adalah 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus dengan menjelaskan jenis pengairan yang digunakan sama ada air hujan, pam atau kedua-dua nya. Petikan fatwa tersebut seperti berikut:

“...Kadar zakat yang wajib di atas petani-petani yang menggunakan air terusan yang kena dibayar seperti kadar yang ditetapkan oleh kerajaan sekarang ini ialah satu persepuuh (1/10)...”

(Himpunan Fatwa (1), Negeri Kedah Darul Aman, t.t, h.55)

Fatwa kedua menghuraikan dengan lebih terperinci kadar zakat padi di Kedah dengan menegaskan seperti berikut :

“..Hukum mengeluarkan zakat padi yang subur hidup dengan air hujan semata-mata adalah zakatnya satu persepuuh...”

“..Jika pokok padi itu hidup dengan diairi (dijirus) seperti menggunakan pam dengan perbelanjaan yang banyak, maka adalah zakatnya setengah daripada se per sepuluh (nisf al-'usyr)...”

“..Jika tanaman itu hidup dengan kedua-duanya maka diiktibarkan masa hidup tanaman itu dan suburnya, sekiranya adalah masa hidup tanaman itu dan suburnya, sekiranya adalah masa bertanam padi itu hingga mendapat perolehan selama lapan bulan, empat bulan daripadanya menggunakan air hujan dan empat

*bulan pula dimasukkan air dua kali dengan menggunakan pam dan sebagainya, maka wajiblah dikeluarkan zakat 3/4 daripada 1/10..."*

(Himpunan Fatwa (1), Negeri Kedah Darul Aman, t.t, h.62).

Selain itu, terdapat satu lagi fatwa Jabatan Mufti Negeri Kedah berkaitan penolakan kos tanaman zakat padi Kedah yang berdasarkan kepada Projek Penanaman Padi Secara Berkelompok . Fatwa ini dikeluarkan dengan mengambil kira keadaan para petani yang berada dalam golongan berpendapatan rendah yang sekiranya kutipan zakat padi seperti biasa dikekalkan (pandangan mazhab Shafie yang mengenakan zakat atas semua perolehan asal tanpa mengambil kira perbelanjaan dan kos menghasilkan tanaman) akan menjadi bebanan yang berat kepada petani. Fatwa tersebut menyatakan:

*"..Zakat dikira berdasarkan perolehan bersih padi setelah ditolak segala hutang perbelanjaan yang ditanggung oleh petani semasa mengusahakan pertanian pada tiap-tiap musim. Kaedah ini dilakukan dengan bertaklid kepada mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu iaitu harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemiliknya umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Ini akan meringankan beban yang dipikul oleh petani dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah..."*

(Himpunan Fatwa (2) Negeri Kedah Darul Aman, t.t, h.8-9)

Pembaharuan dalam proses dan prosedur pengeluaran fatwa serta perkembangan hukum telah mengubah senario pengeluaran fatwa termasuk fatwa yang berkaitan zakat pertanian seperti fatwa di atas. Fatwa-fatwa tersebut dilihat mengalami anjakan dan perubahan bagi tujuan penyesuaian dan memenuhi kemaslahatan masyarakat Islam dan menolak kemudaratan. Perkembangan hukum itu ialah daripada bersandarkan pandangan mazhab Syafii kepada pandangan mazhab-mazhab yang lain serta pandangan ulama kontemporari. Senario ini menggambarkan ruang yang lebih luas diberikan untuk mengambil kira pandangan dan ijтиhad daripada mazhab ASWJ yang lain, dan tidak hanya terikat kepada mazhab Syafie di dalam pengeluaran keputusan fatwa zakat di Malaysia.

## NISAB ZAKAT PERTANIAN DI KEDAH

Hasil tanaman tidak dikenakan zakat melainkan stelah mencapai nisabnya iaitu lima awsuq (al-Ramli, 1967). Ini adalah berdasarkan hadis nabi S.A.W yang menyatakan:

*"..Tidak dikenakan zakat (tanaman dan buah-buahan) yang tidak sampai lima awsuq..."*

(al-Syawkani, t.t)

Mengikut pandangan para ulama, sukatan Madinah harus menjadi asas kepada nisab zakat tanaman kerana Rasulullah SAW sendiri menganjurkan umat Islam merujuk kepada sukatan Madinah dalam menyukat dan merujuk kepada timbangan Makkah dalam menimbang (Ibn Majah, t.t.). Al-Syarbini (1997) telah membandingkan nilai nisab zakat tanaman sebanyak 5

ausuq dengan nilai sukatan yang lain: 1 wasq = 60 gantang, 5 ausuq = 300 gantang, 1 gantang = 4 cupak, 5 ausuq = 1200 cupak.

Di Kedah, Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat menyebutkan tentang nisab zakat pertanian iaitu:

*“...Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1300.449 kilogram @ 2 kunca. 2nalah.6 gantang.1 cupak.2 kepul...”*

(Undang-undang Zakat (Kedah), 1374 (1955), Pindaan 6/1983)

Berdasarkan undang-undang zakat Kedah di atas, jelas menyatakan bahawa nisab bagi zakat pertanian di Kedah ialah dua kunca dua nalah enam gantang satu cupak dua kepul. Kiraan ini menyamai dengan 1300.449 kilogram. Oleh itu, perolehan hasil padi yang kurang daripada had ini tidak dikenakan zakat kerana tidak mencapai nisabnya. Nisab inilah yang sedang diamalkan oleh LZNK dalam urusan zakat padi di negeri Kedah.

### **KADAR BAYARAN ZAKAT PERTANIAN DI KEDAH**

Kadar bayaran zakat tanaman merujuk kepada jumlah tertentu yang wajib dikeluarkan oleh pemilik tanaman yang telah memenuhi syarat-syarat yang mewajibkan zakat dikeluarkan. Nas yang menjadi penentuan kepada kadar zakat pertanian adalah hadis Rasulullah s.a.w:

*“Pada apa yang dijirus oleh langit atau air mata air atau takungan sepuluh peratus, dan apa yang dijirus dengan tenaga, lima peratus”*

(Riwayat Ibn Majah, t.t. no.1806).

Di negeri Kedah, amalan yang sedang dipraktiskan ialah berdasarkan Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982, iaitu kadar wajib bagi perolehan kasar padi bagi satu musim yang mencapai nisab dua kunca dua nalah enam gantang satu cupak dua kepul atau bersamaan 1300.449 kg ialah 10 peratus. Dalam amalan semasa, terdapat dua kaedah pengiraan hasil padi iaitu berdasarkan kepada kaedah penggunian dan kaedah pukal. Berdasarkan kaedah penggunian, pengiraan zakat padi mencukupi nisabnya berdasarkan kepada hasil setiap sepuluh guni padi akan dikeluarkan zakatnya iaitu seguni padi ( $1/10$  atau 10%). Kaedah pengiraan sistem pukal pula ialah dengan mengetahui nisab zakat padi tersebut terlebih dahulu setelah dijual. Jumlah hasil yang diperoleh akan dikira zakatnya dengan mengeluarkan  $1/10$  atau 10% daripada hasil jualan tersebut (Alias dan Mohammad Azam, 2017). Kaedah sistem pukal inilah yang diamalkan oleh majoriti petani di Kedah.

### **KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT PERTANIAN (PADI) DI KEDAH**

Amalan semasa oleh petani di Kedah menunjukkan bahawa pengurusan tanaman padi telah berkembang maju tanpa perlu mengeluarkan tenaga yang banyak. Selain itu penggunaan masa yang singkat dan aplikasi teknologi moden mampu mempertingkatkan hasil tanaman padi. Terdapat dua kaedah yang digunakan oleh petani di Kedah dalam urusan penjualan hasil padi

iaitu sistem penggunian dan sistem pukal. Berdasarkan sistem penggunian (kaedah tradisional), padi yang dituai akan dimasukkan ke dalam guni terlebih dahulu dan dibawa ke pusat-pusat pembelian padi. Pengiraan zakat padi mencukupi nisabnya berdasarkan kepada hasil setiap sepuluh guni padi akan dikeluarkan zakatnya iaitu seguni padi (1/10 atau 10%). Kaedah kutipan dan pembayaran zakat melalui kaedah ini berdasarkan jumlah guni padi yang diperolehi.

Sistem pukal diamalkan oleh hampir keseluruhan petani di Kedah sekarang. Berdasarkan sistem ini, padi yang dituai terus dimasukkan ke dalam lori tanpa digunakan terlebih dahulu dan terus dibawa ke pusat-pusat pembelian padi. Menurut Alias dan Mohammad Azam (2017), implikasi penggunaan sistem pukal menyebabkan kaedah yang digunakan untuk menyukat hasil padi turut berubah. Melalui sistem ini, hasil yang diperolehi adalah berdasarkan kepada timbangan padi tersebut secara terus. Ini berbeza dengan kaedah penggunian yang memerlukan berat setiap guni padi dicampur untuk mengetahui hasil keseluruhan yang diperolehi.

LZNK juga memperkenalkan dua kaedah membayar zakat padi yang mengambil kira kos-kos pengurusan penanaman padi yang terpaksa dikeluarkan oleh petani di zaman moden ini seperti kos membajak, menabur benih, meracun, menuai dan sebagainya. Kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan oleh LZNK adalah seperti berikut: (<https://www.zakatkedah.com.my/zakat-padi/> 2.11.2019):

#### Kaedah A:

Harga Semasa (Musim 1/2017)

Harga Padi	= 1 Kilogram bersamaan RM 0.75
Harga Subsidi	= 1 Kilogram bersamaan RM 0.2481
Harga Padi (RM 0.75) + Subsidi 1Kg (RM 0.2481)	= RM 0.9981
RM 0.99 X 1,300.49 kg (nisab zakat padi)	= RM 1,287.48
Sekiranya hasil padi bersamaan RM 1,287.48 maka zakatnya ialah:	
RM 1,287.48 X 1/10	= RM 128.74

#### Kaedah B:

Seorang petani mendapat hasil jualan sebanyak RM 1,750.00 semusim, manakala subsidi/inSENTif sebanyak RM 450.00. Harga jualan padi termasuk subsidi adalah RM 2,200.00

Anggaran penolakan:

1. Sewa Bendang	= RM400
2. Membajak	= RM200
3. Lori dan mesin padi	= RM100
4. Meracun	= RM80
5. Menabur benih	= RM110
Jumlah Penolakan	= RM880

Harga jualan padi (RM 2,200.00) - Anggaran penolakan (RM 880.00) = RM 1,320.00

Sekiranya hasil padi bersamaan RM 1,320.00 maka zakatnya ialah:

RM 1,320.00 X 1/10 = RM 132.00

Selain itu, bagi petani yang mengusahakan sawah 2 kali setahun, maka diwajibkan zakat jika cukup nisabnya bagi setiap tuaian (musim). Jika nisabnya tidak mencukupi, hendaklah hasil padi itu dicampurkan kepada hasil tuaian musim kedua untuk dikira zakatnya.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Zakat Kedah 1982, Seksyen 14, zakat pertanian (padi) yang telah mencukupi nisabnya hendaklah diserahkan kepada amil. Para amil juga dikehendaki membuat bancian terhadap setiap petani pada setiap musim tanah sawahnya diusahakan. Sebelum padi dituai, para amil akan sekali lagi pergi menemui petani untuk mengikuti perkembangan tanaman padi sama ada menghadapi apa-apa masalah yang boleh menjelaskan hasil mereka. Setelah padi dituai, barulah para amil akan melakukan kutipan zakat.

### **ANALISIS KUTIPAN ZAKAT PERTANIAN (PADI) DI KEDAH**

Berdasarkan kepada statistik kutipan zakat pada tahun 2008 hingga 2015 didapati berlaku peningkatan setiap tahun namun pada tahun 2012, kutipan zakat didapati menurun sebanyak RM1.1 juta. (Hafizah, Azizi dan Ram, 2017). Kutipan zakat pertanian adalah lebih kecil berbanding jumlah kutipan zakat-zakat lain di Malaysia. Sebagai contoh, walaupun hasil pengeluaran padi di Negeri Kedah adalah yang tertinggi di Malaysia, namun jumlah kutipan zakat pertaniannya hanya menyumbang 3.8% daripada jumlah keseluruhan (Nor Laili & Masanita, 2015).

Laporan dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengesahkan hanya menerima 1.045 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat pertanian (padi) membabitkan nilai RM38 juta semusim. Jumlah itu dikira terlalu kecil berbanding purata RM5.5 juta yang dibayar kira-kira 3,000 pesawah sepanjang tahun, iaitu membabitkan dua musim penanaman (Berita harian, 23 Mei 2016). Sebagai contoh, zakat padi bagi daerah Yan sepatutnya adalah RM3.4juta bagi keluasan 10,025.25 hektar padi, namun jumlah kutipan zakat padi bagi tahun 2012 hanya RM907,000 dan menunjukkan perbezaan ketara daripada sasaran kutipan yang sebenar (Sinar Harian, 16 Disember 2012).

**Rajah 2. Data Kutipan Zakat Padi Daerah-Daerah di Kedah 2014-2018**

<b>Daerah</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
Kota Setar	1,205,257.46	1,018,709.77	1,032,483.94	785,428.85	795,800.71
Kubang Pasu	1,381,096.65	1,257,912.10	1,382,014.47	1,161,008.30	955,487.50
Yan	1,159,481.41	1,062,243.84	1,155,991.75	984,502.62	787,366.37
Pendang	441,116.00	359,864.10	427,073.00	330,156.40	360,381.70
Kuala Muda	493,661.80	445,926.80	516,704.05	395,531.35	382,071.50
Kulim	74,828.70	62,876.90	74,489.00	68,106.20	43,678.70
Langkawi	191,144.00	140,489.40	159,102.50	106,232.00	36,108.00
Padang Terap	121,284.90	112,686.10	119,209.40	102,563.60	87,799.70
Pokok Sena	-	71,749.00	203,557.00	169,950.00	201,693.00
Baling	22,005.00	19,167.00	17,175.00	13,050.00	10,565.00
Sik	6,317.00	6,120.00	3,580.00	7,867.00	3,570.00

Bandar Baru	51,615.30	42,068.80	21,827.00	29,801.00	16,115.55
Head Quarters	51,924.53	50,655.67	49,796.22	55,627.30	79,584.55
<b>Total</b>	<b>5,199,731.95</b>	<b>4,650,469.48</b>	<b>5,163,003.33</b>	<b>4,209,824.62</b>	<b>3,760,222.28</b>

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (2019)

Rajah di atas menunjukkan jumlah kutipan zakat pertanian bagi setiap daerah di negeri Kedah darul Aman dari tahun 2014 hingga 2018. Rajah menunjukkan berlakunya kemerosotan dari segi kutipan zakat padi di setiap daerah negeri Kedah yang seterusnya menyumbang kepada kemerosotan di peringkat negeri. Kajian-kajian lepas juga menyatakan yang kutipan zakat pertanian di Kedah adalah tidak selari dengan keluasan tanah pertaniannya (sawah padi). Jumlah kutipan zakat pertanian di Kedah hanya menyumbang 3.8% daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat (Nor Laili & Masanita, 2015).

Berdasarkan temu bual penyelidik dengan pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah, Pejabat Zakat Daerah dan pesawah-pesawah, dirumuskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan kutipan zakat padi di negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut:

### **1. Bayaran Zakat Melalui Saluran Perseorangan dan Tidak Rasmi**

Berdasarkan temu bual dengan pihak yang terlibat khususnya petani, mereka lebih cenderung untuk membayar zakat padi secara terus kepada asnaf dan juga kepada pihak-pihak tertentu tanpa melalui saluran rasmi. Namun begitu, ada juga dalam kalangan petani yang membayar zakat padi mereka kepada amil LZNK, namun jumlahnya adalah kurang berbanding pihak yang membayar terus kepada asnaf. Kesimpulan daripada temu bual yang diadakan, dirumuskan kaedah-kaedah berikut yang diamalkan oleh petani dalam urusan bayaran zakat padi :

- i. Membayar zakat padi secara keseluruhan secara terus (*direct*) kepada asnaf (faqir dan miskin) yang berada di kampung atau kawasan tempat tinggal para petani. Kaedah ini berdasarkan tradisi petani-petani di kawasan berkenaan.
- ii. Membayar zakat padi secara terus kepada asnaf dan selebihnya kepada amil LZNK. Contohnya jumlah zakat padi pada musim berkenaan ialah RM700, maka RM200 dibayar kepada amil LZNK dan selebihnya kepada asnaf zakat di kawasan berkenaan.
- iii. Membayar zakat padi kepada amil LZNK sekiranya amil aktif mengutip zakat di kawasan berkenaan dan membayar terus kepada asnaf jika tiada amil yang bertindak mengutip zakat.

Berdasarkan hasil temu bual dan kaedah-kaedah pembayaran zakat padi di atas, penyelidik merumuskan petani-petani di Kedah lebih cenderung membayar zakat padi mereka secara terus kepada asnaf zakat kerana mereka berasa puas hati dan yakin zakat itu diterima oleh pihak yang sepatutnya. Ini merupakan faktor yang utama yang membawa kepada merosotnya kutipan zakat padi di negeri Kedah.

### **2. Kurang Kesedaran Kewajipan Berzakat**

Faktor kurangnya kesedaran dalam kalangan petani terhadap kewajipan berzakat atas hasil tanaman mereka menyumbang kepada merosotnya kutipan zakat padi di negeri Kedah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan kepada petani, dapat disimpulkan kurang kesedaran ini merujuk kepada tiga keadaan iaitu:

i. Pengetahuan tentang zakat dan pembayarannya tidak dianggap sesuatu yang penting dan utama. Isu ini berlaku dalam kalangan petani-petani yang masih muda.

ii. Faham kewajipan berzakat, namun enggan untuk membayar zakat khususnya zakat pertanian. Kebanyakan mereka hanya memahami zakat itu dalam kontek zakat fitrah sahaja.

iii. Kempen kesedaran membayar zakat pertanian kepada amil LZNK tidak menyeluruh dan tidak sampai kepada petani-petani kerana ia hanya diadakan di masjid-masjid sahaja.

Oleh itu, penyelidik berpandangan pihak LZNK perlu mempertingkatkan lagi dakwah tentang kewajipan berzakat padi ini melalui saluran-saluran yang lebih luas yang terlibat secara langsung dengan petani seperti MADA, PPK dan sebagainya untuk meningkat lagi kesedaran petani-petani dari segi pembayaran zakat kepada amil LZNK.

### **3. Hasil Tanaman Padi yang Berkurangan**

Dalam pengiraan dan penentuan kelayakan membayar zakat pertanian (padi), hasil tanaman padi adalah antara elemen yang diambil kira untuk menentukan petani wajib mengeluarkan zakat atau pun tidak. Hasil tanaman padi kebiasannya dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti cuaca, baja yang digunakan, penyakit-penyakit tanaman padi, bencana alam dan sebagainya. Faktor-faktor yang telah dinyatakan menyumbang kepada kurangnya hasil padi yang akan menyebabkan petani tidak cukup nisab (dua kunca dua nalih enam gantang satu cupak dua kepol atau bersamaan 1300.449 padi) untuk membayar zakat. Selain itu, faktor usia petani menyebabkan mereka mengupah pihak lain untuk mengerjakan sawah mereka dari peringkat awal hingga akhirnya. Cara ini membabitkan kos tertentu yang membolehkan penolakan dilakukan daripada hasil tuaian padi yang dikenakan zakat. Ini secara tak langsung mengurangkan jumlah zakat padi yang dikenakan ke atas petani yang turut menyumbang kepada merosotnya kutipan zakat padi. Selain itu, kos-kos lain dalam penanaman padi seperti kos membajak, sewaan lori dan mesin padi, meracun, baja dan sebagainya turut ditolak dalam pengiraan zakat padi cara B seperti yang dinyatakan dalam laman web LZNK. Kos-kos yang ditanggung oleh petani ini membolehkan pemotongan dilakukan dalam pengiraan zakat padi.

### **4. Kurang Ilmu Tentang Zakat Pertanian (Padi)**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap petani-petani di daerah-daerah yang dinyatakan, didapati kebanyakan daripada mereka mempunyai pengetahui yang dangkal berkaitan zakat pertanian (padi) seperti hukum wajib zakat pertanian, nisab zakat, cara membayar zakat dan penerima zakat yang rasmi. Kebanyakan petani hanya membayar zakat kerana mengikut rakan-rakan petani yang membayar zakat tanpa berdasarkan ilmu mengenainya (budaya). Ilmu tentang nisab zakat pertanian amat penting kerana jika hasil padi tidak mencapai nisab yang ditentukan, maka petani tidak diwajibkan membayar zakat. Hasil temu bual mendedahkan bahawa, kebanyakan petani tidak mengetahui kadar nisab zakat yang ditetapkan di negeri Kedah iaitu dua kunca dua nalih enam gantang satu cupak dua kepol atau bersamaan 1300.449 kg padi. Para petani juga masih berpegang kepada kaedah lama pengiraan zakat padi bagi setiap 10 guni padi, maka satu guni dikeluarkan sebagai zakat. Apabila kaedah pukal dilaksanakan, cara pengiraan zakat padi berubah kepada berat timbangan padi secara keseluruhan (secara kilogram) yang menyebabkan para petani merasa keliru kaedah pengiraan zakat hasil padi mereka. Hal ini menyebabkan para petani membayar zakat pertanian

(padi) secara ikut-ikutan sahaja tanpa pengetahuan yang jelas khususnya berkaitan kadar nisab zakat pertanian (padi) di negeri Kedah.

### **5. Isu Amil Zakat Pertanian (Padi)**

Amil zakat pertanian juga menyumbang kepada merosotnya kutipan zakat padi di negeri Kedah Darul Aman. Peranan amil amat diperlukan untuk menggalakkan para petani membayar zakat pertanian mereka kepada saluran rasmi iaitu LZNK. Hasil temu bual menyatakan para petani lebih selesa membayar zakat padi kepada amil-amil yang dilantik dalam kalangan pimpinan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) (praktis terdahulu) berbanding membayar kepada imam atau jawatan kuasa masjid (qaryah) yang dilantik sebagai amil (praktis sekarang). Perlantikan amil dalam kalangan ketua-ketua unit PPK boleh membantu LZNK meningkatkan kutipan zakat pertanian secara rasmi. Hal ini memandangkan ketua-ketua unit PPK ini mempunyai hubungan yang rapat dengan para petani dan mereka boleh menyalurkan maklumat dan informasi yang tepat kepada petani khususnya berkaitan kutipan dan agihan zakat.

Selain itu, terdapat juga amil-amil yang tidak rasmi mengutip zakat daripada petani-petani di Kedah. Mereka termasuklah bekas-bekas amil yang tidak disambung kontrak mereka oleh LZNK, namun para petani selesa membayar zakat kepada mereka. Sebagai tambahan, ada juga pihak-pihak tertentu yang mengutip zakat pertanian ini untuk kepentingan-kepentingan tertentu seperti pembinaan sekolah tahniz, kebajikan anak-anak yatim, orang-orang tua dan sebagainya atas dasar mereka juga adalah asnaf yang layak menerima zakat. Faktor-faktor berkaitan amil ini juga menyumbang kepada kemerosotan kutipan zakat pertanian (padi) di Kedah.

### **6. Tanah Sawah Padi Sewaan**

Tanah sawah (bendang) yang disewakan kepada pihak lain juga merupakan antara faktor kemerosotan kutipan zakat pertanian di Kedah. Petani-petani yang sudah lanjut usia dan mereka yang menjadi petani secara separuh masa biasanya akan menyewakan tanah sawah mereka kepada pihak lain untuk dikerjakan. Di Malaysia amalan menyewa dan memberi sewa tanah telah lama dipraktikkan, termasuklah amalan menyewa tanah pertanian. Jadi persoalan yang timbul siapakah yang perlu membayar zakat, adakah pemilik tanah kerana pemilikannya terhadap tanah tersebut dan mendapat keuntungan atas sewaannya ataupun orang yang menyewa kerana secara zahir dialah yang mengusahakan tanah dan tanaman dan yang mengeluarkan hasil dari tanah tersebut. Jumhur ulama selain mazhab Hanafi berpendapat bahawa zakat hanya dikenakan ke atas penyewa, oleh kerana zakat diwajibkan ke atas hasil tanaman bukan tanah yang mengeluarkan hasil tanaman itu (Ibn Rusyd, 2009). Ada juga dalam kalangan petani yang menyewa tanah sawah mereka kepada orang bukan Islam yang menyebabkan zakat tidak dibayar oleh penyewa tersebut.

Selain itu, kajian juga mendapat terdapat beberapa faktor lain (minor) yang menyumbang kepada kemerosotan kutipan zakat padi di negeri Kedah iaitu faktor pembangunan tanah pertanian berubah kepada perindustrian, perumahan, perluasan bandar dan sebagainya. Faktor metod kiraan zakat pertanian (kaedah B) yang menolak kos-kos mengerjakan sawah seperti membajak, sewaan traktor, mesin padi, pengairan, pembajaan, lori dan lain-lain menyebabkan kadar layak pembayaran zakat padi berkurangan yang akan membawa kepada kurangnya nilai bayaran zakat atau tidak dikenakan langsung.

## PENUTUP

Zakat pertanian di Kedah telah melalui proses perlaksanaan yang amat panjang bermula sejak dari tahun 1667 M hingga sekarang iaitu disekitar 350 tahun yang lalu. Bermula dengan fasal 3 Tembera Seri Paduka Tuan sehingga kepada Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, berbagai-bagai perubahan dan anjakan dilakukan untuk meningkatkan urusan pentadbiran zakat di negeri Kedah Darul Aman. Zakat pertanian (padi) juga mengalami beberapa perubahan sesuai dengan arus pemodenan dalam bidang pertanian dan kos sara hidup yang meningkat demi kemaslahatan para petani khususnya. Walaupun negeri Kedah terkenal dengan keluasan tanah sawahnya, namun kutipan zakat pertaniannya (padi) adalah rendah berbanding keluasan tanah sawahnya. Data yang diperolehi dari LZNK bermula dari tahun 2014 hingga tahun 2018 menunjukkan kemerosotan dari segi kutipan zakat pertanian (padi) di negeri Kedah. Beberapa faktor yang dikenalpasti adalah bayaran zakat secara terus kepada asnaf, kesedaran yang rendah atas kewajipan berzakat, hasil padi yang berkurangan, kurang ilmu tentang zakat pertanian khususnya tentang nisab zakat dan pengiraannya, isu-isu yang berkaitan amil zakat dan isu tanah sawah yang disewakan kepada orang lain. Pihak LZNK perlu bertindak segera untuk mengurangkan masalah ini dari terus berlaku sekaligus menyebabkan kutipan zakat pertanian terus merosot di negeri Kedah.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kutipan dan analisis data Geran Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM dan Lembaga Zakat Negeri Kedah Kod S/O 14123.

## RUJUKAN

- Alias Azhar dan Mohammad Azam Hussain (2017). *Pengurusan Zakat Tanaman Padi*. Sintok : UUM Press
- al-Muti'i (1995). *Kitab al-Majmu' li Syirazi*, jil. 5. Beirut: Dar al- Ihya'i al-Turath al-Arabi.
- Al-Syafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris (2001), *al-Umm*, j. 3. Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nasri wa al-Tauzi'.
- Al-Syawkani, Muhammad b Ali bin Muhammad (t.t). *Nayl al-Awثار Syarḥ Muntaqa al-Akhbar min Ahadīth Sayyid al-Ākhyār*. Mesir : Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali al-Fairuzabadi. (1959). *Al-Muhaḍḍab fi Fiqh al-Imām al-Syafie*. Mesir : Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Anwarul Yaqin. (2007). *Legal Research and Writing*. Kelana Jaya:Lexis.
- Hafizah Zainal, Azizi Abu Bakar dan Ram Al-Jaffri Saad, "Tahap Kepercayaan Institusi Zakat Di Kedah" dalam Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB). Vol. 1: No. 4 (September 2017) page 69-77.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abdullah bin Ahmad (t.t.), *al-Mughni*, j. 4. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. (t.t) *Himpunan Fatwa Jilid 1 dan 2*. Kedah: Jabatan Mufti negeri Kedah.
- Khatib al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad Al-Khatib al- (1997). *Mughni al-Muhtaj*, j. 1. Lubnan: Dar al-Ma'arifah.

- Malik bin Anas (1999), *al-Muwatta'*, j. 1. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail (2017)."Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan", dalam Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), Vol. 3: no. 6. page 1–9
- Nawawi, Imam Abi Zakariya Muhyi al-Din bin Syarif al- (Tahqiq: Muhammad Najib Nor Laili Hassan dan Masanita Mat Noh (2015)." Zakat Pertanian Di Laman Web Pihak Berkuasa Zakat: Tahap Pendedahan Maklumat", dalam Prosiding 2nd International Conference on Masjid, Zakat and Waqf 2015 (i-MAF2015)
- Noraini Ali (2013). *Taksiran dan Aplikasi Zakat Padi di Malaysia*. Tesis kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Tuckman, B.W.(1999). *Conducting Educational Research*.USA: Harcourt
- Zakaria Othman, Mohd Faisal Mustaffa dan Hafizah Zainal (2019). *350 Tahun Sejarah Perundangan Zakat di Negeri Kedah*.Kedah :LZNK